

# PM puji Mandela penyedar demokrasi

BM - 4 NOV 1990

Oleh ZAMZAM OMAR

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kenadiran Timbalan Presiden Kongres Kebangsaan Afrika Selatan (ANC) Dr Nelson Mandela di negara ini, menyedarkan rakyat negara ini betapa demokrasi tidak boleh di pandang mudah oleh negara yang sudah merdeka.

"Demokrasi adalah hak sejagat yang paling berharga. Adalah menjadi hasrat semua negara anggota Komanwel mengukuhkannya," katanya ketika berucap di majlis makan malam yang diberi oleh Barisan Nasional (BN) bagi meraikan Dr Mandela di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam semalam.

Perdana Menteri berkata, pilihanraya yang baru selesai jelas membuktikan kemenangan rakyat dan amalan demokrasinya. Rakyat telah membuat pilihan yang jelas.

Menurutnya, walaupun Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, ternyata negara ini berjaya melaksanakan kebebasan politik sejak 33 tahun lalu.

"Dalam hubungan ini, semua pemimpin BN berdoa semoga rakyat Afrika Selatan juga akan menikmati hak mereka dan bebas daripada keganasan dan seterusnya dapat menentukan kerajaan Afrika Selatan menerusi kotak undi dalam sedikit masa lagi.

"Malah, rakyat Malaysia adalah antara yang pertama akan meraikan kemenangan demokrasi oleh seluruh rakyat Afrika Selatan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata walaupun perkembangan di Afrika Selatan sejak kebelakangan ini menggalakkan, tetapi dasar apartheid terus wujud.

"Dalam keadaan ini, Malaysia berkongsi pendapat, bahawa pada tahap ini, masyarakat antarabangsa tidak boleh menghapuskan sekatan terhadap rejim Pretoria itu," katanya.

Menurutnya, sebarang perkembangan terbaru ke arah menghapuskan sistem apartheid iaitu kesan daripada dialog yang diusahakan oleh Pretoria dan ANC akan mengambil masa beberapa bulan.

Sehingga itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Malaysia akan terus mengekalkan tekanannya ke atas kerajaan Afrika Selatan menerusi sekatan ekonomi dan sekatan lain.

"Kita meminta negara-negara lain di dunia mengambil langkah yang serupa. Dalam hubungan ini, Malaysia tidak menerima penilaian beberapa negara Barat bahawa di peringkat ini, Presiden De Klerk wajar disanjung berikutan perubahan yang diusahakannya.